

>> BERITA > NASIONAL > Lebih banyak bantuan untuk rakyat selepas BKC: Ismail Sabri

Lebih banyak bantuan untuk rakyat selepas BKC: Ismail Sabri

|| 06 September 2021



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengadakan pertemuan secara maya bersama Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz yang hadir ke Bank Simpanan Nasional (BSN) cawangan Putrajaya bagi meninjau situasi semasa hari pertama pembayaran Bantuan Khas Covid-19 (BKC) kepada para penerima hari ini. Foto Bernama

PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Ketika pembayaran Bantuan Khas Covid-19 (BKC) mula disalurkan pada Isnin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lebih banyak bantuan akan disalurkan kerajaan kepada rakyat bermula bulan depan.

Dalam sidang video bersama warga Bank Simpanan Nasional (BSN) dari kediamannya di Petaling Jaya khusus bagi meninjau proses pembayaran BKC yang bermula pada Isnin, Ismail Sabri berkata, BKC adalah antara bantuan bagi membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

"Harap semua proses pembayaran BKC yang dirancang Kementerian Kewangan berjalan lancar. Semoga tiada perkara tidak diingini berlaku yang boleh sebabkan kelewatan dan sebagainya," katanya.

Ismail Sabri yang masih menjalani kuarantin sendiri sejak 30 Ogos lepas setelah disahkan kontak rapat pesakit Covid-19 turut menasihatkan warga BSN supaya memastikan penerima BKC yang hadir mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan Covid-19.

Turut serta dalam sidang video tersebut ialah Menteri Kewangan Tengku, Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang berada di BSN Putrajaya di sini dan Timbalan Menteri Kewangan, Mohd Shahrul Abdullah yang berada di BSN di Bera, Pahang.


"Semoga apa yang diberikan kerajaan hari ini, walaupun mungkin tidak begitu besar tetapi sekurang-kurangnya dapat bantu mengurangkan perbelanjaan ketika ini," kata Ismail Sabri yang turut merujuk makluman Tengku Zafrul bahawa banyak lagi bantuan akan diberikan kepada rakyat.

Pada Rabu, Ismail Sabri mengumumkan BKC akan dibayar secara berperingkat dengan bayaran fasa satu dikreditkan mulai 6 September dan dijangka selesai pada 10 September dengan dana berjumlah RM3.1 billion telah disalurkan kepada institusi perbankan yang berkaitan untuk pembayaran BKC.

BKC layak diterima golongan miskin tegar dan B40 dengan jumlah pendapatan RM5,000 dan ke bawah untuk isi rumah dan warga emas, serta bujang dengan pendapatan RM2,500 dan ke bawah, berdasarkan kriteria kelayakan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR 2021).

Until happy customers grow on trees, there's communications APIs

DO MORE



TERKINI | POPULAR

- 1 Produk Housebrand: Pilihan untuk berjimat
- 2 Pelantikan Muhyiddin: Zahid serah kepada kebajaksanaan...
- 3 KK Supermart terus bantu golongan memerlukan
- 4 Covid-19: Guan Eng kontak rapat, bicara kes rasuah...
- 5 Pencuri larikan barangan kemas: RM49 juta di Paris

HARI MALAM JUMAAT!

KEMUT KETATZ

BELI 3 PERCUMA 3 SEKARANG!

Newsletter

Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ